

Pandelela tidak dicalonkan

Putrajaya: Pemenang pingat gangsa Sukan Olimpik London tahun lalu, Pandelela Rinong tidak disenarai untuk pencalonan Anugerah Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2012.

Timbalan Pengerusi MASUM 1 Prof Dr Anuar Hassan berkata, atlet itu tidak dipilih kerana dia mendaftar sebagai pelajar Universiti Malaya pada September tahun lalu, iaitu sebulan selepas Sukan Olimpik.

“Atas sebab itu, mesyuarat jawatankuasa panel pemilihan membuat keputusan tidak menyenaraikan ratu terjun negara itu dalam senarai pencalonan,” katanya pada sidang media semalam.

Pada Sukan Olimpik London, Pandelela Rinong merangkul gangsa dalam acara 10m platform wanita.

Seramai 12 atlet kebangsaan mendominasi senarai pencalonan Olahragawan dan Olahragawati pada majlis anugerah itu yang akan diadakan di Dewan Agong Tunku Canselor, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, 1 Jun ini.

Anuar berkata, kriteria pemilihan calon bagi anugerah itu antara lain menetapkan atlet mesti mewakili negara

atau mencapai kejayaan atau mendapat pingat di peringkat antarabangsa.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Terengganu berkata, sebanyak 75 pencalonan diterima daripada kesemua 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk anugerah itu dan hanya atlet terbaik akan disenarai pendek.

Selain dua anugerah utama itu, 12 lagi kategori turut dipertandingkan iaitu Pasukan Terbaik (Lelaki & Wanita), Bintang Harapan (Lelaki & Wanita), Pengurus Terbaik, Jurulatih Terbaik, Tokoh Sukan, Anugerah Sekalung Budi, Anugerah Khas, Anugerah Rakan Sukan serta Atlet Terbaik Universiti (Lelaki & Wanita).

Calon Olahragawan mem-babitkan Wong Keng Yinn (karate - UTM), Khairulnizam Mohd Affendy (perahu layar - UiTM), Syed Mohamad Agil Syed Naquib (tenis - UniMAP), Lim Chee Wei (karate - USM), Muhamad Syafiq Ridhwan Abdul Malek (tenpin baling - UPM), Bryan Nikson Lomas (terjun - UM) dan Mohamad Nuzul Azwan Ahmad Tarmizi (petanque - UIAM).

Calon Olahragawati pula, Nur Ezzaini Mohd Nor (bola jaring - UTM), Fatin Nurfa-tehah Mat Salleh (memanah - UiTM), Cheong Jun Hong (terjun - UPM), Jawairiah Noor-din (tenis - UniMAP), A'ain Hidayah Ahmad Fuad'ad (pencak silat - UKM) - BER-NAMA